

19 JAN 1996

Chretien-Berlepas

CHRETIEN BERLEPAS PULANG SETELAH MELAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Canada Jean Chretien berlepas pulang malam ini setelah melakukan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia.

Pemangku Menteri Luar Datuk Abu Hassan Omar berada di Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur untuk mengucapkan selamat jalan kepada Chretien, yang diiringi isterinya Aline dan anggota rombongan terdiri daripada menteri-menteri, ketua-ketua dari enam wilayah Canada dan ahli perniagaan.

Yang turut hadir ialah Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali sebagai menteri pengiring.

Pemimpin Canada itu dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan perbincangan semalam yang berakhir dengan termeterainya tiga perjanjian dalam perkhidmatan udara, pendidikan dan perhutanan.

Chretien dan isteri menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah awal hari ini dan malam tadi diraikan pada satu jamuan oleh Dr Mahathir di kediaman rasminya, Sri Perdana.

Chretien memberi ucapan dasar pada Dialog Pemimpin Perniagaan Malaysia-Canada yang pertama pagi ini yang selepas itu beberapa perjanjian perniagaan ditandatangani antara syarikat-syarikat Malaysia dan Kanada.

Dr Mahathir kemudian menyertai beliau dan mereka menjawab soalan daripada para peserta dialog.

Perdana Menteri Canada itu juga melawat projek Kuala Lumpur City Centre dan transit aliran ringan, yang kedua-duanya melibatkan penyertaan Canada.

-- BERNAMA